

## Qalbu (Jantung): Satu Perbincangan Epistemologi Islam

*Qalbu (Heart): An Islamic Epistemological Discussion*

SITI AISYAH JEINIE, AZMI AZIZ\* & AZIMA ABDUL MANAF

Received: 29-2-2024/ Accepted: 18-6-2025

### ABSTRACT

Despite other languages translating *qalbu* as heart, the Malaysian language translates *qalbu* as liver. This paper opted to use heart instead of liver for the translation of *qalbu*. The reason was that physical and metaphysical elements of the heart were more accurate to discuss knowledge compared to the liver. This qualitative study utilised thematic analysis as the method. The Al-Quran was the primary source. *Qalbu*, with the meaning of the heart, appeared 132 times, and went through a deductive process to identify significant themes. The scope of the discussion was within epistemology of knowledge. There was discussion of four themes covering epistemology, axiology, ontology and logic. The first theme found that the heart thinks while also having the capability of seeing and hearing. The second theme placed the value system, axiology, covering permissible, impermissible and reprehensible, at the heart. The third theme described that the heart had characteristics, which diversified the processing of knowledge. The fourth theme was logic, requiring knowledge of the heart to start and end with Allah SWT. From this research, the heart played a significant role in knowledge. These findings tally with findings on the two-way interactions of the heart and brain in controlling the human body. This research aspires that knowledge across discipline would enliven mankind physically and metaphysically.. Furthermore, this research hopes that the term heart for *qalbu* would be normalised by the public.

Keywords: *Al-Quran; Heart; Islamic Epistemology; Knowledge; Qalbu*

### ABSTRAK

Meskipun bahasa-bahasa lain menterjemahkan perkataan *qalbu* kepada jantung, Bahasa Malaysia menterjemahkan perkataan *qalbu* kepada hati. Penulisan ini memilih untuk menggunakan jantung bukan hati untuk penterjemahan *qalbu*. Hal ini disebabkan elemen fizikal dan batin jantung lebih tepat untuk membincangkan ilmu berbanding hati. Kajian kualitatif ini menggunakan analisis tematik sebagai metod. Al-Quran menjadi sumber primer. *Qalbu* yang membawa maksud jantung muncul sebanyak 132 kali telah melalui proses deduktif untuk mengenal pasti tema-tema signifikan. Skop perbincangan adalah sekitar epistemologi ilmu. Empat tema telah dibincangkan meliputi epistemologi, aksiologi, ontologi dan logik. Tema pertama mendapati bahawa jantung berfikir di samping mempunyai deria penglihatan dan pendengaran. Tema kedua meletakkan sistem penilaian aksiologi meliputi halal, haram dan syubhah, kepada jantung. Tema ketiga menggambarkan bahawa jantung mempunyai sifat-sifat yang memberi perbezaan kepada pemprosesan ilmu. Tema keempat, logik memerlukan kaedah ilmu jantung itu bermula dan berakhir dengan Allah SWT. Daripada kajian ini, jantung memainkan peranan penting dalam ilmu. Dapatkan ini selari dengan hasil kajian yang menemui bahawa terdapat hubungan dua hala antara jantung dan otak dalam mengawal tubuh badan manusia. Kajian ini berharap agar ilmu merentas disiplin dapat menghidupkan fizikal dan batin manusia. Sehubungan dengan itu, kajian ini juga berharap agar penggunaan *qalbu* sebagai jantung dapat dinormalisasikan dalam khalayak ramai.

Kata kunci: *Al-Quran; Epistemologi Islam; Ilmu; Jantung; Qalbu*

## PENGENALAN

Kajian-kajian berkenaan qalbu menggunakan perkataan hati sebagai penggantinya (Firdaus & Mahyuddin 2023; Amir, Muhd Imran & Mohd Farhan 2021). Perkara ini seiring dengan definisi yang diberikan oleh Kamus Bahasa Melayu (t.th) iaitu qalbu sebagai hati atau sanubari yang menjadi pusat kepada perasaan batin. Senario ini menunjukkan bahawa qalbu sebagai hati telah tersemat dalam perbendaharaan formal di Malaysia. Namun, penulis tidak cenderung untuk menggunakan perkataan ‘hati’ sebagai ganti untuk qalbu, sebaliknya, penulis memilih perkataan ‘jantung’. Hal ini kerana bahasa Arab menterjemahkan qalbu (قلب) kepada jantung manakala hati dalam bahasa Arab pula ialah kabid (كبد) (Ahmad Zain 2012). Selain Bahasa Malaysia, bahasa lain menterjemahkan qalbu kepada jantung seperti terjemahan ayat Al-Quran, Muhammad 47:24 berikut:

أَفَلَا يَتَذَكَّرُونَ الْقُرْءَانَ أَمْ عَلَىٰ قُلُوبِ أَقْفَالِهِ  
Al-Quran, Muhammad 47:24

Maksudnya :

(Setelah diterangkan yang demikian) maka adakah mereka sengaja tidak berusaha memahami serta memikirkan isi Al-Quran? Atau telah ada di atas hati mereka kunci penutup (yang menghalangnya daripada menerima ajaran Al-Quran)? (Abdullah Muhammad Basmeih)

*Then do they not reflect upon the Qur'an, or are there locks upon [their] hearts? (Saheeh International)*

*Ne méditent-ils pas sur le Coran ? Ou y a-t-il des cadenas sur leurs cœurs ? (Muhammad Hamidullah)*

*(Quran.com t.th)*

Perkataan *heart* (Bahasa Inggeris) dan *cœurs* (Bahasa Perancis) diterjemahkan ke Bahasa Malaysia ialah jantung. Berdasarkan bahasa-bahasa yang berbeza ini, dapat diperhatikan bahawa berlaku percanggahan penterjemahan untuk Bahasa Malaysia daripada Bahasa Arab berbanding Bahasa Arab kepada bahasa-bahasa lain.

Sehubungan dengan itu, secara fizikalnya, qalbu tidak merujuk kepada organ hati tetapi organ jantung. Ayat Al-Quran, Al-Hajj 22:46 menyatakan bahawa qalbu berada di dalam dada. Selain itu, peristiwa pembersihan qalbu Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam (SAW) menggunakan air zam-zam adalah dengan membela dada baginda yang kemudiannya diisi dengan iman dan hikmah yang telah diriwayatkan dalam hadis berikut;

"حَدَّثَنَا شَيْبَانُ بْنُ فَرْوَحَ، حَدَّثَنَا حَمَادُ بْنُ سَكَمَةَ، حَدَّثَنَا نَابِتُ الْبَنَاتِيُّ، عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَتَاهُ جِبْرِيلُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ يَأْعُبُ مَعَ الْعَلَمَانِ فَأَخْدَهُ فَصَرَعَهُ فَشَقَّ عَنْ قَلْبِهِ فَاسْتَخْرَجَ مِنْهُ عَاقِلَةً فَقَالَ هَذَا حَظُّ الشَّيْطَانِ مِنِّي . ثُمَّ عَسَلَهُ فِي طَسْتِ مِنْ دَهْنِ بَمَاءِ زَمَرَّدٍ لَأَمَّهُ ثُمَّ أَعَادَهُ فِي مَكَانِهِ وَجَاءَ الْعَلَمَانُ يَسْعَوْنَ إِلَيْ أُمِّهِ - يَعْنِي ظَفَرَةً - فَقَالُوا إِنَّ مُحَمَّداً قُدْ قُتِلَ . فَاسْتَقْبَلُوهُ وَهُوَ مُمْتَنَعُ الْأَوْنِ . قَالَ أَنَسٌ وَقَدْ كُنْتُ أَرَى أَثْرَ ذَلِكَ الْمُعْبَطِ فِي صَدْرِهِ ."

Maksudnya:

Dari Anas bin Malik R.A., katanya: "Jibrail A.S. mendatangi Rasulullah SAW. ketika beliau sedang bermain-main dengan beberapa orang anak (di zaman kanak-kanak). Tiba-tiba Jibrail memegang dan membaringkan beliau, lalu membela dan mengeluarkan qalbu beliau, kemudian dibuangnya

segumpal darah dari qalbu itu seraya berkata: Ini menguntungkan syaitan dari diri mu. Kemudian dibersihkannya dalam sebuah bejana emas dengan air zamzam. Sesudah itu diletakkannya di tempatkannya dan dijahitkannya kembali. Anak-anak yang menyaksikan peristiwa itu segera lari kepada ibu susu beliau, mengkhabarkan bahawa Muhammad dibunuh orang. Mereka segera mencarinya, dan didapatnya Muhammad masih dalam keadaan pucat." Kata Anas, "Aku melihat bekas jahitan itu di dada Nabi SAW."

Hadis Sahih Muslim Jilid 1 Hadis Nombor 0136 (Mutiria Hadis 2019)

Perihal tubuh manusia, jantung berada dalam rongga dada manakala hati berada dalam rongga abdomen. Untuk sampai ke jantung dada perlu dibuka. Memandangkan ayat Al-Quran, Al-Hajj 22:46 menyebut dada dan hadis ini menggambarkan dada yang dibuka untuk mencapai qalbu, justeru, penulis menjadi sangat cenderung untuk menggunakan jantung dan bukan hati.

Berdasarkan Hadis Sahih Muslim Jilid 1 Hadis Nombor 0136 tersebut, peristiwa pembelahan dada Rasulullah SAW untuk membersihkan qalbunya merupakan peristiwa yang terjadi di alam fizikal. Sehingga, Rasulullah SAW dianggap dibunuh oleh saksi serta terdapat bekas jahitan di dada baginda. Dengan ini, makna qalbu tidak boleh dijumudkan kepada elemen kebatinan sahaja seperti definisi Kamus Bahasa Melayu. Qalbu ialah jantung bukan sekadar jiwa. Jantung hidup berdegup dan boleh diisi dengan iman dan ilmu memberi kesan kepada setiap aspek kehidupan manusia. Oleh itu, qalbu iaitu jantung mempunyai elemen fizikal dan batin. Al-Qurtubi dalam Sawaluddin (2020) turut bersetuju bahawa qalbu mempunyai hubungan fizikal dan batin.

Ayat Al-Quran dan hadis yang telah disebut di atas menunjukkan perhubungan qalbu dengan keupayaan manusia untuk faham dan berfikir iaitu penggunaan akal oleh qalbu (Sawaluddin 2020). Ayat Al-Quran, Qaf 50:37 yang menggandingkan akal dengan qalbu juga menandakan bahawa jantung adalah tempat adanya akal (Sawaluddin 2020). Hamka (2017) juga menggunakan akal sebagai sinonim kepada qalbu. Oleh itu, disebabkan jantung menggunakan akal maka jantung mempunyai pertalian yang rapat dengan epistemologi dan ilmu.

Kajian ini ingin memahami lebih lanjut berkenaan peranan qalbu iaitu jantung dalam ilmu berdasarkan Al-Quran agar makna qalbu daripada sudut epistemologi Islam menjadi jelas. Matthes (2000) telah melontarkan bahawa perkara yang menjadi masalah kepada saintis sosial apabila berurusan dengan agama adalah makna atau definisi yang difahami dalam komunikasi sehari-hari berbeza daripada konsep sebenar. Beliau mengatakan bahawa makna yang difahami oleh penyelidik dan yang digunakan di realiti sosial mungkin tidak sama. Biarpun beliau melihat makna perlu disesuaikan dengan budaya, pada kajian ini ia adalah terbalik. Bahasa dan budaya telah meletakkan terma qalbu yang asalnya berkait rapat dengan al-Quran kepada sesuatu yang lari daripada makna asalnya. Lantaran itu, kajian ini dijalankan untuk membina semula kefahaman yang mendalam terhadap qalbu bersumberkan al-Quran supaya dapat meningkatkan penghayatan ilmu Allah Subhanahu Wa Taa'la (SWT) ke dalam dunia nyata.

## SOROTAN LITERATUR

Ilmu berkaitan jantung terangkum dalam ilmu sains seperti biologi dan perubatan. Al-Quran mengemukakan prinsip-prinsip tertentu yang boleh diterokai dengan mendalam melalui kajian saintifik (Ahmad Yunus dan Asmilyia 2021). Maka, ilmu-ilmu saintifik hendaklah diberikan perhatian apabila mengkaji ilmu al-Quran. Ilmu sains semasa telah mensabitkan otak sebagai pusat pemprosesan ilmu manusia. Justeru, untuk memahami hubung kait qalbu dengan ilmu, bahagian sorotan literatur ini membincangkan perhubungan antara jantung dengan otak daripada perspektif

saintifik. Perhubungan ini menjadi asas kepada kefahaman untuk bahagian Dapatan dan Perbincangan.

## PERHUBUNGAN ANTARA JANTUNG DENGAN OTAK

Menurut kajian Liu et al. (2022), secara fisiologi terdapat pertalian rapat antara jantung dan otak seperti dalam teori China purba yang mengatakan bahawa fungsi jantung adalah untuk berfikir. Liu et al. berpendapat bahawa bukti pertalian jantung dan otak ini terletak pada interaksi fisiologi dan patologi antara sistem saraf dan kardiovaskular. Perhubungan ini diberi terma neurokardiogenik (*neurocardiogenic*) (Liu et al. 2022) atau interaksi otak-jantung (*brain-heart interactions*) (Candia-Rivera 2022).

### FISIOLOGI

Otak mengawal jantung melalui sistem saraf autonomi simpatetik dan parasimpatetik iaitu sistem di bawah sedar manusia. Ketika bangun daripada tidur otak menjadi aktif dan menyebabkan kadar pernafasan meningkat. Hal ini kerana fungsi jantung berubah akibat daripada perubahan-perubahan pada refleks saraf autonomi daripada reseptor-reseptor dalam badan seperti rangsangan kimia dan tekanan darah, serta perintah saraf pusat seperti kesan stres dan aktiviti-aktiviti fizikal (Silvani et al 2016). Stres memberi stimulus kepada jantung untuk mengepam darah dengan lebih laju, lantas meningkatkan ketajaman deria (*heightened senses*). Ketajaman deria yang menjadikan manusia mampu bertindak balas kepada stimulus. Jantung menghantar signal kepada otak yang boleh mengubah perwatakan, emosi dan kerasionalan. Jantung menjadi sumber ritma badan yang paling konsisten. Kesensitifan dan keresponsifan jantung kepada perubahan psikofisiologikal serta jaringan saraf antara jantung dengan otak yang luas menyebabkan jantung mampu memodulat ritma sistem saraf autonomi simpatetik dan parasimpatetik (McCraty 2015). Perkara ini menggambarkan bahawa otak dan jantung mempunyai hubungan dua hala di mana mereka saling mempengaruhi antara satu sama lain dan tidak dapat dipisahkan.

Kajian Mohanta et al. (2023) mendapatkan bahawa jantung atau arteri membentuk satu sistem litaran kardiovaskular otak di mana input aferen berasal daripada jantung atau pokok arteri (*arterial tree*) dibawa kepada neuron deria tertentu di otak untuk diproses (jantung ke otak). Kemudian, pusat integrasi di otak menghantar signal yang telah diproses kembali kepada sistem kardiovaskular (otak ke jantung). Pusat integrasi berhubung dengan pusat-pusat otak lain yang mengawal pelbagai sifat otak yang terkod dalam engram termasuklah memori imun, perembesan hormon regulasi stres, kesakitan, ganjaran, emosi dan tingkah laku yang didorong motivasi. Hal ini bermakna bahawa litaran kardiovaskular otak mempunyai jaringan dengan organ periferal merangkumi sistem imun, usus, hati dan tisu lemak. Candia-Rivera (2022) menjelaskan bahawa perhubungan dua hala jantung otak dalam mengawal aktiviti tubuh badan ini berlaku secara berterusan. Sebarang perubahan pada sistem jantung-otak menyebabkan perubahan langsung kepada organ-organ lain.

## PATOLOGI

Oleh sebab fisiologi jantung dan otak mempunyai pertalian dua hala yang rapat, maka sekiranya timbul masalah pada salah satu, kedua-duanya akan bermasalah. Traub, Frey & Störk (2023) mendapati bahawa terdapat perubahan keradangan saraf (*neuroinflammatory*) pada sistem saraf pusat ketika perkembangan beberapa penyakit jantung. Perkembangan penyakit jantung yang meningkatkan keradangan saraf pusat ini menyebabkan percepatan kemerosotan kognitif dan peningkatan prevalens demensis. Kajian Scheitz et al. (2022) mengutarakan sindrom strok-jantung. Pengkaji-pengkaji tersebut mendapati bahawa dapatkan baharu menunjukkan perubahan pada jantung atau pendokumentasian fungsi jantung yang semakin buruk setelah berlakunya strok iskemik. Puncanya adalah ketidakseimbangan automi dan keradangan. Korelasi penyakit jantung-otak ini menggambarkan bahawa bukan sahaja perhubungan normal berlaku di antara jantung dan otak tetapi keabnormalan juga dikongsi. Rosak satu, rosak kedua-duanya.

Shah et al. (2004) menghubungkan psikologi dengan kesihatan jantung. Gangguan mental kronik seperti kemurungan dan keresahan boleh mengakibatkan risiko penyakit jantung meningkat walaupun setelah mengambil kira tabiat buruk seperti merokok. Pertalian ini dikaitkan kepada tindak balas tekanan emosi (stres) kepada sistem hormon dan darah yang mengubah ritma dan struktur jantung (Shah et al. 2004; McCraty 2015). Kesakitan mental atau emosi yang bersifat rohaniah atau batiniah ini menyebabkan tindak balas hormon kortisol yang meningkatkan keradangan. Keradangan tersebut memberi kesan kepada fizikal manusia sehingga membawa perubahan pada struktur jantung. Perubahan struktur jantung ini berisiko menyebabkan kematian melalui serangan jantung. Penyakit batin meninggalkan kesan fizikal.

Kajian-kajian ini menggambarkan terdapat pertalian utuh antara jantung dan otak. Jantung mempunyai kapasiti batin iaitu mental dan emosi di samping kesihatan fizikal manusia.

## METODOLOGI

Pendekatan kajian kualitatif ini menggunakan metode analisis tematik (Clarke & Braun 2018). Memandangkan kajian ini ingin mendalami qalbu daripada sudut epistemologi Islam, demi meluhurkan identiti qalbu agar menepati identiti Islam, maka sumber utama ialah Al-Quran yang disokong oleh sunnah hadis. Tradisi Islam yang mengutamakan al-Quran dan sunnah adalah untuk mengekang campuran identiti lain seperti epistemologi moden (Muhamamad Khalis 2024).

Justeru, data primer kajian ini adalah qalbu di dalam al-Quran. Penjelasan berkenaan qalbu dikembangkan berdasarkan hadis berstatus sahibh yang telah dikumpulkan oleh Imam Muslim diperoleh daripada laman sesawang Mutiara Hadis (2019). Selain itu, perbincangan daripada buku, jurnal dan teks yang berkait dengan qalbu dan ilmu juga digunakan.

Perkataan qalbu adalah gabungan tiga huruf Bahasa Arab iaitu qaf, lam, dan ba (قلب) yang muncul sebanyak 168 kali di dalam keseluruhan al-Quran. Daripada jumlah tersebut, 132 perkataan membawa maksud kepada kata nama jantung. Untuk kajian ini, proses analisis bermula dengan membaca dan memahami 132 ayat-ayat Al-Quran ini. Kemudian, proses deduktif dilaksanakan untuk mendapatkan tema-tema yang menghubungkan qalbu (jantung) dengan elemen ilmu. Empat tema elemen ilmu yang dibincangkan adalah epistemologi, ontologi, aksiologi dan logik.

Dalam penulisan ini, epistemologi merupakan satu perbincangan sumber ilmu kepada jantung. Ontologi merujuk kepada sifat-sifat jantung dalam pemprosesan ilmu. Aksiologi pula menjadi ruang komprehensif untuk sistem penilaian yang dilakukan oleh jantung. Logik ilmu jantung merupakan kaedah rasionalisasi sesuatu ilmu agar menjadi betul atau tidak betul.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

### TEMA PERTAMA: EPISTEMOLOGI; KESINAMBUNGAN JANTUNG DENGAN PEMIKIRAN, PENDENGARAN DAN PENGLIHATAN

Ayat Al-Quran, Al-Baqarah 2:97 menggambarkan bahawa Allah menurunkan al-Quran ke qalbu. Sumber ilmu yang sarat dengan pedoman ditempatkan di qalbu dengan izin Allah menandakan jantung memiliki kapasiti untuk menanggung dan menghadamkan ilmu tersebut. Pada masa yang sama, ayat ini meletakkan Allah SWT sebagai pemilik ilmu yang mutlak. Oleh itu, ilmu itu hanya mampu diterima oleh mereka yang diizinkannya. Ayat ini juga menegaskan bahawa ilmu ada perhubungan dengan kepercayaan dunia ghaib. Ibnu Kathir (2013) menjelaskan bahawa penurunan al-Quran dengan perantaraan malaikat Jibrail menjadi satu titik kawalan sistem ilmu Allah. Mereka yang tidak menerima peranan malaikat Jibrail bermakna mereka telah menolak satu aspek ilmu Islam. Oleh hal sedemikian, proses penurunan ilmu ke jantung melalui malaikat ini menunjukkan bahawa ruang ilmu tidak terhad kepada ruang fizikal tetapi turut melibatkan ruang batin.

Perkataan qalbu pertama muncul dalam ayat Al-Quran, Al-Baqarah 2:7. Dalam ayat Al-Quran, Al-Baqarah 2:7-10, struktur negatif digunakan ke atas qalbu iaitu penutupan pendengaran, penglihatan dan qalbu yang menjadi azab kepada mereka disebabkan mereka menipu ke atas kesaksian mereka. Situasi ini adalah petanda qalbu mereka berpenyakit. Dalam ayat Al-Quran, Az-Zumar 39:22, mereka yang tertutup qalbu mengalami kesesatan yang nyata. Ayat-ayat Al-Quran, Al-Baqarah 2:88 dan An-Nisaa 4:155 menyatakan bahawa penutupan qalbu berpunca daripada kekufuran dan keingkaran kepada ayat-ayat Allah SWT. Berasaskan ayat-ayat yang dinyatakan ini, qalbu yang tertutup merupakan satu perkara yang buruk, manakala qalbu yang terbuka adalah sesuatu perkara yang baik.

Penutupan qalbu berpunca daripada kekufuran dan keingkaran kepada ilmu Allah mengakibatkan kesesatan. Ibnu Kathir (2013) menukilkan pendapat al-Qurtubi bahawa Allah menutup qalbu sebagai satu hukuman terhadap pilihan untuk tidak percaya setelah Allah SWT memberi peluang untuk menerima kebenaran. Dengan bertindak berpaling daripada kebenaran pada permulaannya (kali pertama), maka Allah menghalang qalbu dan mata daripada mengenali kebenaran agar berada dalam kesesatan (Al-Quran, Al-An'aam 6:110). Hal ini kerana fungsi qalbu adalah untuk memahami seperti fungsi mata untuk melihat dan telinga untuk mendengar (Al-Quran, Al-A'raf 7:179). Fakhruddin Al-Razi dalam Sawaluddin (2020) menggunakan ayat Al-Quran, Al-A'raf 7:179 untuk menafikan kepala sebagai tempat keberadaan ilmu. Ditambah lagi dengan persetujuan Thabathab'iy bahawa peranan otak adalah sebagai media atau alat yang digunakan oleh jantung (Sawaluddin 2020) maka pusat pemprosesan ilmu yang utama ialah jantung.

Hamka (2017) menyimpulkan bahawa kufur itu “menyembunyikan sehingga tidak kelihatan lagi” iaitu biarpun mereka mengetahui hakikat sesuatu perkara tersebut tetapi mereka menolak hakikat tersebut dengan menutupnya melalui pelbagai cara. Penyembunyian ini terjadi kerana hawa nafsu; keinginan untuk menjaga kepentingan sendiri. Justeru, mereka menyangkal kebenaran. Seperti dalam ayat Al-Quran, Muhammad 47:16 yang menyatakan qalbu yang dikuasai

oleh hawa adalah tertutup. Premis ini meletakkan lawan kepada ilmu yang benar adalah hawa nafsu. Kedua-duanya terletak pada diri manusia sendiri.

Konsep ilmu yang wujud di sini adalah ilmu Allah daripada Al-Quran merupakan sesuatu kebenaran yang manusia boleh memilih untuk terima atau tolak. Hal ini membawa maksud, meskipun pendengaran dan penglihatan mengalami sesuatu ilmu dan ilmu tersebut difahami oleh jantung sebagai satu perkara yang benar, tetapi disebabkan nafsu, mereka membuat keputusan untuk menutup ilmu yang benar tersebut. Kesan daripada keputusan mereka untuk menutup ilmu tersebut adalah jantung mereka ditutup oleh Allah SWT. Perkara ini menggambarkan bahawa pusat penerimaan dan penolakan iaitu pusat membuat keputusan adalah jantung. Jantung berkuasa untuk memilih-milih (*selective*). Pemilihan (*selectivity*) ini merupakan satu paradigma yang memberi kesan kepada tindakan (*action*). Apabila pemilihan telah ditetapkan, sesuatu perkara yang luas telah dikecilkkan skopnya agar menepati ruang lingkup pemilihan tersebut.

Ibnu Kathir (2013) berbincang berkenaan dua kumpulan ayat Al-Quran, Al-Baqarah 2:7-10 dan At-Taubah 9:124-125, mereka yang percaya semakin ditambah kepercayaan manakala mereka yang mempunyai ketidakpercayaan, syak wasangka dan keraguan dalam jantung mereka, maka Allah tambahkan lagi syak wasangka dan keraguan. Dalam ayat Al-Quran, At-Taubah 9:45, keraguan adalah satu tindakan jantung. Keraguan, satu proses ketidakpastian dalam menerima sesuatu maklumat sebagai kebenaran dengan sepenuhnya, juga difahami sebagai skeptisme. Digandingkan dengan ayat Al-Quran, Al-Anbiya 21:3, qalbu boleh leka daripada memahami menandakan jantung mempunyai perhatian dan kesedaran. Secara mudah, jantung adalah komponen memproses dan memahami maklumat. Jantung bertanggungjawab sebagai pengawal kepada kapasiti penerimaan sesuatu ilmu sama ada luas atau kecil selain daripada meragu ilmu tersebut. Disebabkan jantung itu punca kepada tindakan maka kesan tindakan sudah pasti memberi kesan kepada jantung. Jantung yang dibuka luas untuk menerima kebenaran, Allah menambah keterbukaannya. Sebaliknya, jantung yang menutupkan penerimaan kebenaran, maka Allah menutupkannya lagi supaya kebenaran semakin sukar difahami mereka. Ibnu Kathir (2013) menyambung perbincangan jantung yang berpenyakit dengan munafik atau hipokrit yang menipu sehingga penipuan itu menjadi tabiat mereka. Penipuan merupakan satu kaedah untuk menutup ilmu.

Bertentangan dengan jantung yang berpenyakit pada mereka yang kufur adalah jantung yang sejahtera atau suci/bersih (Al-Quran, As-shu'ara 26:89; Al-Quran, As-Saffat 37:84) bagi mereka yang percaya (Ibnu Kathir 2013). Ciri-ciri jantung yang sejahtera ini adalah tidak syirik dalam kepercayaan kepada Allah SWT (Ibnu Kathir 2013). Tidak terpengaruh dengan perkara selain daripada Allah, sumber mutlak ilmu (Hamka 2017). Lantaran itu, Allah perlu dituntaskan sebagai autoriti mutlak yang berkuasa ke atas jantung. Sekiranya sumber ilmu tidak dipercayai, Allah disangkal, maka runtuuhlah keseluruhan ilmu tersebut. Jantung yang berdegup, mengepam dan menyalurkan darah dan ilmu ke setiap pelosok tubuh telah menghidupkan manusia dengan penentangan terhadap Allah SWT. Lantas, segala yang berkait dengan Allah akan cuba diketepikan ataupun dinafikan seperti ilmu sekular.

Seterusnya, berkenaan qalbu yang disebut dengan pendengaran atau penglihatan atau kedua-duanya dalam ayat al-Quran yang sama. Perkara ini menghubungkan peranan jantung itu sendiri dengan kemampuan untuk mendengar dan melihat. Jantung mengalami sesuatu pengalaman (Al-Quran, Al-Hajj 22:46). Pengalaman ini dikaitkan dengan dapatan McCraty (2015) yang menyatakan bahawa jantung memiliki kesensitifan terhadap perubahan psikofisiologi berserta penyataan Mohanta et al. (2023) iaitu terdapat engram (penyimpanan memori) dalam jantung. Sistem pemprosesan rangsangan jantung menerbitkan respons tersendiri yang

kemudiannya disimpan dalam engram. Dengan adanya engram, ini bermaksud pengalaman yang dilalui oleh jantung kekal untuk diingati dan diimbau semula.

Engram daripada jantung ini mampu merubah manusia menurut hipotesis Lakota, Jagla & Pecháňová (2021). Hipotesis tersebut mengikat pendermaan jantung dengan perubahan personaliti kepada pemindahan memori antara jantung dan otak. Mat Rofa (2015) menggunakan perubahan tingkah laku pada penerima jantung sebagai satu fenomena yang membuktikan bahawa jantung berfikir kerana berlakunya proses mengimbau memori penderma. Perkara ini telah dikaji oleh Lester (2020) yang mendapati bahawa terdapat perubahan terhadap kecenderungan (*preference*), emosi/perangai (*emotion/temperament*), identiti dan memori terjadi terhadap penerima jantung daripada penderma. Penerima jantung mampu mendapatkan memori daripada jantung penderma melalui sistem saraf intrakardiak (Abi Talib, Ahmed Sattar & Ethar 2022). Kajian-kajian ini menunjukkan bahawa jantung penderma telah merubah penerima kerana memindahkan sistem penilaian, pemikiran dan memori yang wujud dalam jantung penderma.

Dengan meneliti ayat Al-Quran, Al-Hajj 22:46, Allah menyebut bukan mata yang buta tetapi yang buta ialah qalbu di dalam dada kerana gagal melihat dunia dengan kefahaman. Perkara ini menggambarkan bahawa jantung mempunyai penglihatan. Berbeza dengan deria empirikal mata yang melihat dunia fizikal dan deria empirikal telinga yang mendengar dunia fizikal, qalbu tidak terbatas dengan dunia fizikal semata-mata. Qalbu melihat lebih daripada keterhadan fizikal. Hal ini kerana, qalbu ini mempunyai elemen fikiran atau kerasionalan seperti ayat Al-Quran, Al-An'Am 6:46 berikut.

فَلَمْ أَرَءِ يُؤْمِنُ إِذْ أَخْدَ اللَّهُ سَمَعَكُمْ وَأَبْصَرَكُمْ وَحَمَّ عَلَىٰ قُلُوبِكُمْ مَنْ إِلَهٌ غَيْرُ اللَّهِ يُأْتِيكُمْ بِهِ أَنْظُرْ كَيْفَ تُصَرِّفُ أُلُّا يَتِ مُّمَّ هُمْ يَصْدِقُونَ  
Al-Quran, Al-An'Am 6:46

Maksudnya :

Katakanlah (wahai Muhammad): "Bagaimana fikiran kamu, jika Allah melenyapkan pendengaran serta penglihatan kamu, dan Ia pula memetaraikan atas qalbu kamu? Siapakah Tuhan selain Allah yang berkuasa mengembalikannya kepada kamu?" Lihatlah bagaimana Kami berulang-ulang menerangkan tanda-tanda kebesaran Kami (dengan berbagai cara), dalam pada itu, mereka tetap juga berpaling - ingkar.

Hamka (2017) menjelaskan ayat di atas dengan membincangkan akal dan pertimbangan baik dan buruk. Penerangan beliau terhadap tanda-tanda kebesaran menyatakan keperluan untuk berfikir secara kritis dan kreatif agar dapat memahami perkara tersurat dan tersirat. Qalbu fungsinya berfikir. Meski mata mampu melihat dan telinga mampu mendengar tetapi akal perlu bergerak untuk mendapatkan makna pada pengalaman yang dilalui. Kemampuan untuk melihat, mendengar dan berfikir tidak semestinya mampu untuk memahami ilmu sekiranya diri sendiri tidak ingin untuk memahaminya dan berpaling tidak menghiraukannya. Berfikir merupakan satu pilihan manusia. Walau bagaimana banyak sekalipun bukti terhidang di hadapan seseorang, pendengaran boleh dipekadkan, penglihatan boleh dibutakan dan jantung boleh ditutupkan daripada memperoleh ilmu tersebut.

Ayat Al-Quran, Al-Mukminun 23:63 menyebut qalbu yang tenggelam dalam kejahilan akan terus-menerus melakukan amal kejahatan. Berbeza dengan qalbu yang bertaqwah, syiar Allah diberikan penghormatan (Al-Quran, Al-Hajj 22:32). Sehubungan dengan itu, Al-Quran, Al-Hasyr 59:14 merekodkan tidak memahami atau tidak berfikir menghasilkan qalbu yang berpecah-belah dalam kelompok. Perpecahan pada mereka yang menentang kebenaran ini adalah disebabkan kesaksian mereka kepada perkara yang berbeza-beza (Hamka 2017). Hal ini menandakan bahawa

kebenaran merupakan sesuatu perkara yang dapat dicapai dengan berfikir dan pasti menyebabkan kesatuan jantung kerana kebenaran adalah sesuatu yang mutlak dan dikongsi. Kebenaran mampu difahami oleh semua. Ilmu membawa kepada kebenaran sejagat (*universal truth*) kerana sumber ilmu adalah mutlak iaitu Allah yang Satu. Daripada kefahaman inilah yang menimbulkan ketaatan di dalam qalbu sehingga mampu mengawal tindakan (Al-Quran, Al Hajj 22:54).

Ilmu memberi kesan kepada jantung dan jantung memberi kesan kepada tindakan. Jika tindakan terus diisi dengan pencarian dan pemahaman ilmu yang benar, maka jantung diperkuatkan ke arah ilmu benar tersebut. Namun, seandainya jantung terus menerus di isi dengan pemuasan hawa nafsu dan ilmu yang digunakan adalah untuk pemuasan hawa nafsu, maka ilmu berteraskan hawa nafsu yang diperkuatkan. Setiapnya adalah satu kitaran tindak balas.

#### TEMA KEDUA: AKSIOLOGI; JANTUNG YANG MENILAI

Kesinambungan ayat Al-Quran, Fussilat 41:40 bahawa penyelewengan terhadap ayat-ayat Allah iaitu ilmu Allah berada di bawah pengetahuan Allah. Setiap perkara disaksikan oleh Allah SWT. Pilihan diberikan kepada manusia untuk memilih jalan yang membawa ke neraka atau keselamatan. Allah memberi peluang dan ruang untuk manusia membuat penilaian sendiri. Perkara ini menerangkan sedikit-sebanyak konsep aksiologi Allah. Allah menetapkan apa yang baik dan salah tetapi sama ada kita ingin menerima atau menolak sistem penilaian Allah itu adalah satu keistimewaan yang dikurniakan kepada manusia.

Manusia diberi kebolehan berfikir yang tinggi dan kelebihan ini datang dengan tanggungjawab. Allah SWT tidak mengambil kira sumpah yang tidak dimaksudkan oleh manusia, hanya perkara yang telah qalbu usahakan (Al-Quran, Al-Baqarah 2:225). Dalam Ibnu Kathir (2013), Ibnu Abbas menerangkan bahawa sumpah dengan niat menipu diberi hukuman kerana penipuan itu merupakan keputusan yang dibuat oleh manusia tersebut. Keber tanggungjawaban terhadap setiap pilihan dan tindakan manusia berterusan daripada dunia hingga ke akhirat. Akibat yang lahir daripada setiap penilaian manusia menatijahkan kesan jangka pendek dan panjang.

Keber tanggungjawaban ini mempunyai persamaan dengan deontologi. Menurut Kant dalam Booth (2008), etika deontologi didasarkan kepada kecintaan terhadap tanggungjawab (*duty*) bukan disebabkan kebaikan yang mendatang. Namun, menurut Booth deontologi Kant ini tidak menerangkan deontologi epistemik. Deontologi epistemik mempunyai keterikatan lebih daripada kecintaan terhadap tanggungjawab semata-mata. Dengan melakukan tanggungjawab ini akan mendekatkan diri dengan kepercayaan benar (*true belief*) lantas menjadikan manusia makhluk intelektual (*intelektual being*). Etika tersebut merupakan kesinambungan daripada sistem ilmu yang dipercayai. Ilmu yang dipercayai ini dipegang untuk menetapkan kebenaran dan kepalsuan.

Keber tanggungjawaban yang dibincangkan ini terletak di jantung. Ayat Al-Quran, al-Baqarah 2:283-284 menukilkan sekiranya berlaku penipuan terhadap sesuatu amanah, maka qalbu yang berdosa dan Allah SWT mengetahui setiap perkara biarpun ditutup dan Allah SWT akan menuntut keber tanggungjawaban ke atasnya. Hal ini berkait dengan jantung menjadi tempat penyembunyian sesuatu perkara (Ibnu Kathir 2013) seperti yang dibicarakan dalam ayat Al-Quran, Ali Imran 3:167. Penipuan ini merujuk kepada pernyataan yang diperkatakan berbeza daripada pegangan yang tersemat di dalam jantung. Dosa adalah kepada pembuatnya dan yang membuat keputusan adalah jantung. Jantung itu boleh berubah sifatnya seperti yang dibincangkan dalam tema ketiga.

عَنْ أَبِي عَبْدِ اللَّهِ التُّعْمَانَ بْنِ بَشِيرٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: "إِنَّ الْحَلَالَ بَيْنَ، وَإِنَّ الْحَرَامَ بَيْنَ، وَبَيْنَهُمَا أُمُورٌ مُشْبِهَاتٌ لَا يَعْلَمُهُنَّ كَثِيرٌ مِنَ النَّاسِ، فَمَنْ أَتَقَى الشَّهَادَاتِ فَقُدِّمَ أَسْتَبْرًا لِدِينِهِ وَعَرْضِهِ، وَمَنْ وَقَعَ فِي الشَّهَادَاتِ وَقَعَ فِي الْحَرَامِ، كَالرَّاعِي يَرْعَى حَوْلَ الْجِنَاحِ يُوشِكُ أَنْ يَرْتَعَ فِيهِ، أَلَا وَإِنَّ لِكُلِّ مَلِكٍ جَهَنَّمَ، أَلَا وَإِنَّ جَهَنَّمَ هُمَارِفَةٌ، أَلَا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْعَفَةٌ إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، أَلَا وَهِيَ الْقُلُبُ".

Maksudnya :

Dari Nu'man bin Dasyir r.a., katanya dia mendengar Rasulullah saw. bersabda: "Sesungguhnya yang halal telah nyata (jelas) dan yang haram telah nyata. Antara keduanya terdapat perkara yang diragukan (mutasyabihat - syubhat) yang tidak diketahui kebanyakan orang. Maka siapa yang menjaga dirinya untuk tidak mengerjakan perkara yang diragukan, selamatlah agama dan peribadinya. Tetapi siapa yang jatuh ke dalam syubhat, bererti dia jatuh kepada yang haram. Tak ubahnya seperti gembala yang menggembala di tepi tanah larangan. Dikhawatirkkan dia akan jatuh ke dalam. Ketahuilah, bahawa setiap kerajaan itu mempunyai larangan, dan larangan Allah Ta'ala ialah segala yang diharamkan-Nya. Ketahuilah, bahawa di dalam tubuh manusia ada segumpal darah. Apabila gumpalan darah itu baik, maka baik pulalah tubuh itu keseluruhannya. Tetapi apabila gumpalan darah itu rosak, maka rosak pulalah tubuh seluruhnya. Ketahuilah, gumpalan darah itu ialah qalbu."

Hadis Sahih Muslim Jilid 3. Hadis Nombor 1568. (Mutiara Sigrir 2019)

Hadis di atas menjelaskan bahawa sistem penilaian Allah adalah terbahagi kepada tiga kategori, halal, syubhah dan haram. Perkara syubhah iaitu yang tidak jelas perlu dijauhi sebagai langkah berjaga-jaga. Haram merujuk kepada perkara yang jika dilakukan akan menyebabkan hukuman manakala halal merujuk kepada perkara yang jika dilakukan akan mendapat ganjaran. Syubhah merupakan perkara yang diragui dan Allah mengajar bahawa etika terhadap perkara meragukan adalah untuk menghindari daripadanya.

Selain itu, hadis ini mengikat sistem penilaian dengan qalbu. Jika sistem penilaian iaitu jantung tersebut baik, maka seluruh tubuh menjadi baik dan sebaliknya. Lantas, dapat difahami bahawa jantung memberi kesan kepada keseluruhan kejadian manusia. Perkara ini tidak bercanggahan dengan dapatan saintifik berkenaan hubungan jantung dengan organ badan lain seperti yang dibincangkan oleh Mohanta et al (2023). Allah SWT menilai manusia sama ada mereka mampu mengikut batasan yang telah Allah SWT letakkan ataupun tidak. Manusia yang melampaui batas telah menentang (*rebel*) Allah SWT dan akan dipertanggungjawabkan dengan kesalahan-kesalahan mereka. Seperti dalam ayat Al-Quran, Al-Isra' 17:36 di mana Allah melarang daripada bercakap tanpa pengetahuan (Ibnu Kathir 2013) melainkan mereka akan dibicarkan di akhirat kelak.

#### TEMA KETIGA: ONTOLOGI; SIFAT-SIFAT JANTUNG

Diri manusia boleh memiliki antara dua jenis jantung sama ada jantung yang suci sihat (Al-Quran, As-shu'ara 26:89; Al-Quran, As-Saffat 37:84) iaitu mereka yang bertaqwa atau jantung yang berpenyakit (Al-Quran, Al-Baqarah 2:10; Al- Al-Quran, Anfal 8:49) iaitu mereka yang kufur. Kedua-duanya menerbitkan tingkah laku yang berbeza seperti yang telah dibincangkan sebelum ini. Keadaan jantung yang sihat atau sakit memberi imbasan bahawa jantung mempunyai sifat-sifat tersendiri yang mengakibatkan perbezaan tersebut wujud.

Menurut ayat Al-Quran, Al-Baqarah 2:74, qalbu boleh mengeras menjadi batu dan kekerasan itu mempunyai perbezaan iaitu boleh menjadi lebih keras lagi. Ayat Al-Quran, al-Baqarah 2:74 juga menceritakan bahawa batu juga mampu mengeluarkan air sungai dan mata air di samping jatuh atau runtuh kerana takut pada Allah. Kemudian ayat diakhiri dengan Allah

mengetahui setiap perbuatan. Batu ini merupakan perumpamaan yang buruk kerana kekerasan seperti batu bermaksud jantung tidak lagi lembut untuk menerima teguran atau petunjuk (Ibnu Kathir 2013). Jantung sifat asalnya ialah lembut. Dengan setiap keputusan dan tindakan yang diambil, jantung akan melembut atau mengeras sehingga menjadi lebih keras daripada batu. Hal ini menunjukkan tahap kelembutan atau kekerasan jantung berubah-ubah dan mempunyai kesan terhadap kefahaman dan penerimaan ilmu. Justeru, dapat difahami bahawa terdapat kitaran tindak balas antara jantung, kefahaman dan tindakan. Pada masa yang sama, setiap keputusan dan tindakan yang dilakukan itu tidak terlepas daripada ditanggung dan dijawab kepada Allah yang menyaksikan segala-galanya (Hamka 2017).

Hamka (2017) menerangkan penyataan bahawa batu yang memberi manfaat dengan mengalirkkan air tidak seperti jantung yang keras tanpa sebarang faedah. Kekerasan jantung yang membatu berbeza dengan batu yang wujud di dunia. Ibnu Kathir (2013) menghubungkan batu yang bermanfaat ini dengan gunung atau makhluk sebahagian daripada alam yang tunduk kepada Allah dan mengikut Allah dengan taat iaitu batu yang lebih lembut daripada jantung. Daripada hubungan yang ditimbulkan oleh Ibnu Kathir ini, penulis berpendapat bahawa jantung yang keras juga boleh dihancurkan kekerasannya dengan menundukkan diri kepada Allah dan perlunya perkara-perkara yang memainkan peranan air yang melembutkan batu. Hal ini kerana dalam ayat Al-Quran, Al-Anfal 8:11 menyatakan bahawa air itu yang menghapuskan gangguan syaitan serta menyucikan dan menguatkan qalbu. Perkara utama yang menyucikan ialah Al-Quran iaitu ilmu Allah (Al-Quran, Al-Baqarah 2:129, 151; Al-Quran, Ali Imran 3:164) yang mengajarkan cara untuk hidup dan kecenderungan agar terdorong ke arah yang disukai Allah SWT. Al-Quran bertindak sebagai air yang melembutkan batu kepada jantung.

Allah SWT memulakan ayat yang mempunyai kecenderungan di dalam qalbu dengan Rasulullah sebagai teladan bukan orang lain dan jika orang lain yang dituruti maka masalah yang diundangkan (Al-Quran, Al-Hujurat 49:7). Kemudian, disambung dengan kecenderungan kepada iman dan kebencian kepada maksiat yang meletakkan Rasulullah berada dalam jalan yang benar. Kecenderungan terhadap memuaskan nafsu sehingga leka dengan keseronokan di dunia menghalang daripada menerima petunjuk dan menandakan kelemahan jantung (Ibnu Kathir 2013). Dalam kata lain, keseronokan melayan nafsu akan melemahkan jantung lantas menumpulkan kemampuan untuk berfikir dan membuat keputusan yang tidak bias kepada kesenangan diri sendiri. Justeru, kecenderungan terletak di dalam jantung dan boleh diubah. Allah boleh menanam dalam jantung kecintaan terhadap ajaranNya dan kebencian terhadap maksiat. Sebaliknya, Allah juga boleh membiarkan jantung terbuai dengan keseronokan selepas pilihan manusia untuk mengisi kehidupan dengan pemuasan nafsu (Al-Quran, Al-Isra' 7:176). Kecenderungan seseorang berbeza dan perkara ini membawa hasil kehidupan yang berbeza-beza. Namun, kecenderungan boleh diubah berdasarkan perkara yang kita lakukan iaitu pemupukan minat. Selain itu, biarpun belajar dan mengamalkan ajaran itu lebih sukar berbanding berlibur, namun, dengan usaha pupukan minat, Allah SWT memudahkan kecintaan kepada perkara yang sukar ini.

Seterusnya adalah jantung menempatkan emosi dan perasaan; takut gementar (Al-Anfal 8:2), ketenteraman/keterjaminan (Al-Quran, Al-Maidah 5:113, Al-Quran, Ar-Ra'd 13:28), kemarahan (Al-Quran, At-Taubah 9:15), ketenangan (Al-Quran, Az-Zumar 39:23), keresahan (Al-Quran, Al-Ghaafir 40:18), somborg dan angkuh (Al-Quran, Al-Fath 48:26) dan hasad dengki (Al-Quran, Al-Hasyr 59:10). Pelbagai emosi yang dirasai oleh jantung disebut di dalam al-Quran melibatkan emosi yang positif dan negatif. Pada sekali pandang takut gementar tampak negatif. Walau bagaimanapun, meneliti ayat Al-Quran, Al-Anfal 8:2, takut gementar adalah satu emosi yang baik apabila ketakutan atau kegémentaran itu berkait dengan Allah SWT. Takut sekiranya

Allah SWT menutup qalbu lantas tidak mampu memperoleh kebenaran yang hakiki. Takut seandainya Allah SWT tidak lagi memberi ruang dan peluang untuk mencari dan mengamalkan ilmu kerana terpesona dengan perkara yang sia-sia. Takut kasih dan sayang Allah SWT kepada kita berubah menjadi kemurkaan dan kebencian. Ketakutan dan kegembentaran kepada Allah SWT itu memelihara kedudukan manusia di sisi Allah di samping menjadi pengawal diri manusia agar mengamalkan suruhanNya dan meninggalkan laranganNya. Pada munafik, tiada Allah SWT dalam penilaian mereka. Oleh itu, biarpun di luar mereka mengatakan mereka Islam tetapi mereka tidak melakukan suruhan Allah dan melanggar larangan Allah kerana landasan ilmu yang mereka pegang sebenarnya adalah berbeza (Ibnu Kathir 2013). Apatah lagi yang tidak percaya pada Allah SWT, pasak ilmu dan tindakan yang bebas tanpa keterikatan kepada Allah menyebabkan tiada hala tuju yang pasti.

Dapat difahami bahawa ketakutan kepada Allah lahir daripada tersematnya kesedaran terhadap autoriti Allah SWT. Lantaran itu, ketakutan itu merupakan satu cerminan kebertanggungjawaban (*duty-bound*) manusia kepada Allah SWT. Kebertanggungjawaban ini mengikat manusia untuk akur kepada syariat Allah yang dibuktikan melalui sistem penilaian Allah dengan memilih yang halal, menolak yang haram dan menghindari yang syubhah. Al-Raziy dalam Sawaluddin (2020) memberi penjelasan bahawa kerana akal berada di jantung maka apabila berfikir dengan terlalu keras, situasi ini menimbulkan kesesakan dan keresanahan sehingga satu tahap dapat menyakitkan tubuh badan. Akal dan emosi wujud segandingan di dalam jantung menjadikan ilmu itu perlu diproses oleh organ yang tidak robotik iaitu mampu mengendalikan lebih daripada satu perkara. Perlunya keseimbangan antara fizikal dan batin agar setiap keperluan manusia dapat diseimbangkan.

Oleh kerana ilmu merupakan tanggungjawab, ayat al-Quran, al-Baqarah 2:286 menjawab perkadaran tanggungan tanggungjawab tersebut. Ayat ini menyatakan bahawa seseorang manusia hanya menanggung mengikut kemampuan dan usaha diri sendiri (Hamka 2017). Dapat difahami daripada ayat ini bahawa manusia mempunyai kemampuan dan usaha yang berbeza. Kemampuan ini merujuk kepada potensi dan keterhadan seseorang. Memandang daripada sudut kemampuan ilmu, perkara ini ialah syarat terhadap potensi dan keterhadan dalam kemampuan memproses ilmu. Hal ini bersesuaian dengan keperluan kehidupan yang berlainan dan setiap peranan perlu dipenuhi agar saling melengkapinya antara satu sama lain. Dalam kata lain, terdapat elemen kemasyarakatan dengan memandang luas ayat ini. Kemampuan yang berbeza melahirkan amanah yang berbeza dalam satu kelompok. Biarpun, masing-masing melaksanakan amanah masing-masing, namun sekiranya amanah seseorang gagal, perkara ini boleh mengakibatkan yang lain gagal menyempurnakan amanah mereka. Oleh itu, perlunya kebertanggungjawaban agar amanah tidak diperlekeh sehingga melibatkan orang lain.

Sehubungan dengan itu, usaha yang disebut menggambarkan bahawa kemampuan tersebut boleh diasah atau ditumpulkan. Dalam konteks ilmu, perkara ini dapat disandarkan kepada ilmu yang memberi cahaya atau ilmu yang menggelapkan kerana seperti ayat al-Quran, Al-Mutaffifin 83:14, perlakuan buruk seseorang boleh menggelapkan qalbu. Hamka (2017) mengulas bahawa kegelapan yang dimaksudkan adalah dosa atau perlanggaran suruhan Allah yang dilakukan meninggalkan titik hitam sehingga jantung itu gelap, buta daripada melihat kebenaran. Semakin banyak ilmu dan amal yang selari dengan autoriti Allah maka jantung semakin bercahaya terang untuk memperhatikan dan menerima ilmu dengan jelas. Sebaliknya, kegelapan yang muncul akibat melanggar ilmu Allah dengan melayan hawa nafsu, telah menyeleweng ilmu yang benar kepada ilmu yang mengikut hawa nafsu. Justeru, ilmu menjadi samar-samar untuk diperoleh. Sama seperti dalam biologi di mana jantung itu merupakan organ yang terdiri daripada tisu otot, perlukan latihan

di samping bekalan nutrisi yang seimbang untuk sihat sehingga mempunyai daya tahan kardiovaskular tinggi. Jika jantung diberikan nutrisi yang tidak seimbang serta tidak dilatih bersenam, jantung akan sakit dan mempunyai daya tahan kardiovaskular yang lemah. Pada masa yang sama, faktor semula jadi juga memberi impak. Ada jantung yang dilahirkan dengan kelebihan genetik, tetapi ada jantung yang dilahirkan dengan kelemahan genetik. Jantung mempunyai potensi tersendiri dan berbeza setiapnya dan Allah memberi amanah mengikut kemampuan kerana Allah arif akan potensi dan keterhadan ciptaanNya.

Hadis di bawah mengaitkan ilmu dan nyawa. Pancaindera dan perasaan tidak berfungsi apabila manusia tidak sedar biarpun jantung berdegup, dan hanya kembali berfungsi apabila bangun sedar tetapi lenyap sepenuhnya apabila jantung berhenti berdegup (Sawaluddin 2020). Ilmu tidak hilang begitu sahaja. Sebaliknya, ilmu hilang dengan kematian ulama' iaitu mereka yang arif dengan ilmu seperti hadis berikut. Berbalik kepada perbezaan potensi, potensi memahami ilmu yang ada pada mereka yang mendalami ilmu pasti berbeza berbanding mereka yang tidak mendalami ilmu. Cara berfikir dan penelaahan ilmu yang telah dipupuk telah menyebabkan potensi mendalami ilmu itu dipertingkatkan sehingga menerbitkan kefahaman yang hanya mereka mampu kecapi. Gedung ilmu dalam jantung ini tidak dapat disalin dan ditampal kepada orang lain dengan sepenuhnya. Dengan ketiadaan seseorang yang berilmu maka ilmu yang difahaminya juga tiada.

حَدَّثَنَا قُتَيْبَةُ بْنُ سَعِيدٍ، حَدَّثَنَا حَمِيرٌ، عَنْ هِشَامِ بْنِ عَزْوَةَ، عَنْ أَبِيهِ، سَعِيدِ بْنِ الْعَاصِ يَقُولُ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ "إِنَّ اللَّهَ لَا يَقْبِضُ الْعِلْمَ إِذَا مَاتَ النَّاسُ وَلَكِنْ يَقْبِضُ النَّاسُ عِلْمَهُ إِذَا مَاتُوا إِذَا مَاتَ الْعَالَمَاءُ حَتَّىٰ إِذَا مَاتَ يَزْرُوكَ عَالِمًا مَخْلُوقًا النَّاسُ رُءُوسًا جُهَّا فَسَلِّلُوا فَأَفْتَوُوا بِعِنْدِ عِلْمٍ فَضَلُّوا وَأَصْنَلُوا".

Maksudnya :

Dari Abdullah bin 'Amru bin Ash katanya dia mendengar Rasulullah saw. bersabda: "Allah tidak menghapuskan ilmu (agama) dengan cara mencabutnya dari dada seluruh manusia tetapi dengan jalan mewafatkan para ulama. Apabila ulama sudah habis, umat manusia mengangkat orang-orang bodoh menjadi pemimpin mereka. Lalu mereka bertanya kepada para pemimpin yang bodoh. Si pemimpin memberi fatwa tanpa pengetahuan, menyesatkan orang banyak, maka sesatlah mereka semuanya."

Hadis Sahih Muslim Jilid 4. Hadis Nombor 2297. (Mutiara Hadis 2019)

#### TEMA KEEMPAT: LOGIK; KAEADAH RASIONALISASI ILMU QALBU

Falsafah keilmuan Islam melihat logik sebagai pembentukan kaedah berfikir agar faham hukum Allah dengan sistematik (Rahimin Affandi 2008). Logik ilmu Islam berpasak pada autoriti Allah sebagai sumber mutlak ilmu. Oleh itu, ilmu bermula daripada Allah SWT dan perlu dikembalikan kepada Allah SWT seperti ayat Ali Imran 3:7 berikut:

هُوَ الَّذِي أَنْزَلَ عَلَيْكَ الْكِتَابَ مِنْهُ أُمُّ الْكِتَابِ وَأَخْرُوْ مُشَرِّفَاتٍ فَأَمَّا الَّذِينَ فِي قُلُوبِهِمْ زَبْغٌ فَيَسْتَعْوِنُونَ مَا تَشَبَّهُ مِنْهُ أَبْتِغَاءَ الْفَقْتَةِ وَأَبْتِغَاءَ ثَأْرِيْلَهِ وَمَا يَعْلَمُ ثَأْرِيْلَهُ إِلَّا اللَّهُ وَآرَى سُحُونَ فِي الْعِلْمِ يَقُولُونَ إِمَّا بِهِ كُلُّ مِنْ عِنْدِ رَبِّنَا وَمَا يَدْكُرُ إِلَّا أُولُوا الْأَلْبَابِ

Al-Quran, Ali Imran 3:7

Maksudnya :

Dia lah yang menurunkan kepadamu (wahai Muhammad) Kitab Suci Al-Quran. Sebahagian besar dari Al-Quran itu ialah ayat-ayat "Muhkamaat" (yang tetap, tegas dan nyata maknanya serta jelas maksudnya); ayat-ayat Muhkamat itu ialah ibu (atau pokok) isi Al-Quran. Dan yang lain lagi ialah ayat-ayat "Mutasyabihat" (yang samar-samar, tidak terang maksudnya). Oleh sebab itu (timbulah faham yang

berlainan menurut kandungan qalbu masing-masing) - adapun orang-orang yang ada dalam qalbunya kecenderungan ke arah kesesatan, maka mereka selalu menurut apa yang samar-samar dari Al-Quran untuk mencari fitnah dan mencari-cari Takwilnya (memutarkan maksudnya menurut yang disukainya). Padahal tidak ada yang mengetahui Takwilnya (tafsir maksudnya yang sebenar) melainkan Allah. Dan orang-orang yang tetap teguh serta mendalam pengetahuannya dalam ilmu-ilmu agama, berkata: "Kami beriman kepadanya, semuanya itu datangnya dari sisi Tuhan kami" Dan tiadalah yang mengambil pelajaran dan peringatan melainkan orang-orang yang berfikiran.

Manusia tidak mempunyai ilmu melainkan ilmu yang diberikan oleh Allah SWT tetapi ilmu yang difahami manusia boleh berubah disebabkan faktor kefahaman manusia yang berbeza sehingga ilmu yang diterima kekal benar atau berubah sesat. Oleh itu, setiap ilmu merupakan satu amanah dan tanggungjawab untuk manusia pelihara dengan sebaik mungkin dengan memastikan ilmu dicari dengan kaedah yang betul. Ayat Al-Quran, Al-Israk 17:36 milarang daripada menuruti perkara yang tiada pengetahuan kerana pendengaran, penglihatan dan qalbu akan dipersoalkan kelak. Hamka (2017) menerangkan berkenaan menuruti ini dengan perlunya penyelidikan sebab dan musabab serta pertimbangan sendiri dalam melakukan sesuatu. Ilmu perlu dipelajari dan ditanyakan kepada mereka yang lebih berilmu. Hal ini dikaitkan dengan pembentukan pemikiran agar dapat memproses ilmu tersebut. Oleh itu, ilmu perlu dipelajari daripada mereka yang sudah terbentuk pemikirannya.

Ayat Al-Quran, Ali Imran 3:7 di atas membahagikan ayat-ayat al-Quran kepada dua jenis iaitu Muhkamat dan Mutasyabihat. Muhkamat yang jelas maksudnya dan menjadi sumber hukum yang tidak boleh diubah ertiinya (Hamka 2017). Dalam kata lain, Muhkamat menjadi sumber syariat. Mutasyabihat memberi ruang kepada perbincangan dan interpretasi. Oleh itu, perlu disandarkan kepada yang pakar, tidak boleh ditafsirkan sewenang-wenangnya mengikut hawa nafsu sebaliknya perlu mengikut panduan Allah seperti maqasid syariah (Hamka 2017).

Kaedah rasionalisasi ilmu qalbu bermula dengan menundukkan diri bahawa ilmu itu milik Allah. Autoriti Allah terhadap ilmu adalah mutlak. Allah yang berhak memberinya dan manusia perlu berusaha untuk mencari dan memelihara ilmu tersebut. Ilmu yang tidak logik adalah ilmu yang ter dorong oleh hawa syahwat iaitu berkepentingan sendiri dan melanggar syariat Allah. Dalam kata lain, kehalalan mendorong penerimaan logik, keharaman itu menyelewengkan lalu logik perlu menolaknya manakala kesyubhahan menimbulkan keraguan pada logik sehingga menghindarinya. Sebahagian daripada ilmu Allah juga tidak mampu diproses oleh manusia seperti ilmu ghaib. Ayat Al-Quran, Al-A'raf 7:188 menguatkan lagi bahawa ilmu ghaib itu bukan milik Rasulullah SAW apatah lagi manusia lain kerana jika manusia memilikinya maka setiap manusia hanya akan mengumpulkan perkara berfaedah tanpa terkena musibah. Lantaran itu, manusia perlu faham bahawa ilmu mempunyai batas dan ada ilmu berada di luar kefahaman dan capaian manusia.

## KESIMPULAN

Terdapat empat tema dalam penulisan ini yang membincangkan epistemologi, aksiologi, metafizik dan logik qalbu iaitu jantung dalam ilmu epistemologi Islam. Peranan jantung bukan sahaja terhad kepada melunaskan keperluan fizikal tubuh badan manusia tetapi juga berkait dengan ilmu. Ilmu jantung memasakkan keseimbangan pada fizikal dan batin. Empati perlu seiringan dalam rasionalisasi idea semasa membuat keputusan untuk tindakan yang perlu diambil.

Dalam tema pertama jantung didapati jantung adalah pusat pemprosesan ilmu. Jantung membuat pilihan untuk menerima atau menolak sesuatu kebenaran. Pilihan yang dibuat oleh jantung memberi kesan kepada seluruh tubuh. Tema kedua yang membincangkan aksiologi atau

sistem penilaian meletakkan autoriti penilaian kepada Allah SWT tetapi manusia diberi keistimewaan untuk memilih. Allah SWT telah menentukan halal, haram dan syubhah untuk manusia ikuti. Setiap pilihan manusia akan diberikan penilaian oleh Allah SWT sama ada ganjaran atau hukuman. Tema ketiga ontologi menggambarkan bahawa jantung mempunyai sifat-sifat tertentu dan memberi impak kepada pemprosesan ilmu. Sifat-sifat ini mempunyai julat tersendiri yang menyebabkan pemprosesan ilmu itu berbeza antara satu manusia dengan yang lain. Tema terakhir, keempat, logik mengamati kaedah rasionalisasi ilmu yang bermula dan berakhir dengan Allah SWT. Logik ilmu dalam qalbu memerlukan sandaran kepada kaedah yang bertepatan dengan syariat.

Penulisan ini tidak bertujuan untuk menyangkal peranan otak dalam operasi kognitif. Sebaliknya, penulisan ini ingin menyampaikan bahawa jantung juga terlibat dalam pemprosesan ilmu. Ilmu merupakan sesuatu yang dipelajari dan dialami oleh diri manusia menggunakan pelbagai deria dan pengamatan termasuklah jantung. Jantung yang hidup mampu melihat kebenaran dan tidak dikaburi oleh hawa nafsu di samping menyeimbangkan keperluan emosi, akal dan zahir kehidupan.

Kajian ini berharap agar dapat memberi manfaat kepada para pengkaji serta seluruh umat Islam bagi menambah penghayatan berkenaan jantung dan ilmu dalam kehidupan supaya ilmu yang diamalkan merentas disiplin menghidupkan fizikal dan batin manusia seperti yang Allah SWT ajarkan. Pada masa yang sama, penulis mengharapkan agar penggunaan jantung menggantikan hati dalam penterjemahan perkataan qalbu dapat dinormalisasikan dalam penggunaan bahasa rumpun Melayu ini.

## PENGHARGAAN

Penghargaan ditujukan kepada ahli Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekutaran, FSSK, UKM, serta mereka yang telah memperkaya perbincangan ini.

## RUJUKAN

- Al-Quran.
- Ahmad Yunus, M.N., & Asmilyia, M.M. 2021. Sains Tauhidik: Kolaborasi Ilmu antara Al-Qur'an dan Sains Moden. *Akademika* 91(2): 167-176. DOI: 10.17576/akad-2021-9102-14.
- Ahmad Zain, S. 2012. Belajar dalam Perspektif Psikologi dan Islam. *Jurnal Politik Hukum Ekonomi Pendidikan sosial dan Budaya* 1(2): 41-50.
- Ali Talib, H., Ahmed Sattar, A., & Ethar, N. 2022. Heart Memory and Feelings. Dlm: Hashim, H.T., Ahmed, N., Faggian, G., Manyalich, M., Onorati, F. (pnyt.). *Heart Transplantation*. Springer, Cham. DOI: 10.1007/978-3-031-17311-0\_17
- Amir Mohd Nason, Muhd Imran Abd Razak, Mohd Farhan Abd Rahman. 2021. Aplikasi Nilai-Nilai Berasaskan Qalbu dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran (Pdp). *Jurnal 'Ulwa* 6(2):326-339.
- Booth, A.R. 2008. Deontology In Ethics And Epistemology. *Metaphilosophy* 39(4-5): 530–545. DOI: 10.1111/j.1467-9973.2008.00559.x
- Candia-Rivera, D. 2022. Brain-Heart Interactions in the Neurobiology of Consciousness. *Current Research in Neurobiology* 3(100050). DOI: 10.1016/j.crneur.2022.100050.

- Clarke, V. & Braun V. 2018. Using thematic analysis in counselling and psychotherapy research: A critical reflection. *Counselling and Psychotherapy Research* 18(2):1-4. DOI: 10.1002/capr.1216.
- Firdaus, & Mahyuddin Barni. 2023. Hati dalam Perspektif Al-Qur'an & Hadits. *Mushaf Journal : Jurnal Ilmu Al Quran Dan Hadis* 3(1): 93-109.
- Hamka. 2017. *Tafsir al-Azhar*. Malaysia: PTS Publishing House.
- Ibnu Kathir. 2013. *Tafseer Ibnu Kathir*. English translation by M. Khan. <https://archive.org/details/TafseerIbnKathirenglish114SurahsComplete/>
- Kamus Bahasa Melayu. T.th. Pusat Rujukan Persuratan Melayu. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=qalbu>
- Lakota, J., Jagla, F., & Pecháňová, O. 2021. Heart memory or can transplanted heart manipulate recipient's brain control over mind body interactions?. *Activitas Nervosa Superior Rediviva* 63(1): 49-51.
- Liester, M.B. 2020. Personality changes following heart transplantation: The role of cellular memory. *Medical Hypotheses* 135: 109468. DOI: 10.1016/j.mehy.2019.109468
- Liu, W., Zhang, X., Wu, Z., Huang, K., Yang, C., & Yang, L. 2022. Brain–Heart Communication in Health and Diseases. *Brain Research Bulletin* 183: 27-37. DOI: 10.1016/j.brainresbull.2022.02.012.
- Mat Rofa, I. 2015. *Mantik dan Etnomantik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Matthes, J. 2000. Religion in the Social Sciences: A Socio-Epistemological Critique. *Akademika* 56(Januari): 85-105.
- McCraty R. 2015. Heart Brain Neurodynamics: The Making of Emotions. Dlm: Dahlitz, M. & Hall, G. (peny.). *Issues of the Heart: The Neuropsychotherapist special issue*. Dahlitz Media: Brisbane. 76–110.
- Mohanta, S.K., Yin, C., Weber, C., Godinho-Silva, C., Veiga-Fernandes, H., Xu, Q.J., Chang, R.B., & Habenicht, A.J.R. 2023 Cardiovascular Brain Circuits. *Circulation Research* 32(11):1546-1565. DOI: 10.1161/CIRCRESAHA.123.322791.
- Muhammad Khalis, I. 2024. Perspektif Baharu Mengenai Islamisme: Memahami Konsep, Idea dan Kerangka Identitinya. *Akademika* 94(1): 197-209. DOI: 10.17576/akad-2023-9401-15.
- Mutiara Hadis. 2019. Koleksi Hadis. <https://sigir.uitm.edu.my/webhadis/Quran.com>. t.th. Translation of Al-Quran.
- Rahimin Affandi, A. R. 2008. Penggunaan Ilmu Pengetahuan. Dlm. Mahmood Zuhdi, A.M. (pnyt.). *Islam Hadhari: Pendekatan Pembangunan Peradaban*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Sawaluddin, S. 2020. Hubungan Potensi Indra, Akal, dan Qalb dalam Al-Qur'an Menurut Para Mufassir. *Al-Banjari* 19(1): 134-158.
- Scheitz, J.F., Sposato, L.A., Schulz-Menger, J., Nolte, C.H., Backs, J., & Endres, M. 2022. Stroke–Heart Syndrome: Recent Advances and Challenges. *Journal of American Heart Association* 11(17):1-17. DOI: 10.1161/JAHA.122.026528.
- Shah, S.U., White, A., White, S., & Littler, W.A., 2004. Heart And Mind: (1) Relationship Between Cardiovascular and Psychiatric Conditions. *Postgraduate Medical Journal* 80(950): 683–689. DOI: 10.1136/pgmj.2003.014662.
- Traub, J., Frey, A., & Störk, S. 2023. Chronic Neuroinflammation and Cognitive Decline in Patients with Cardiac Disease: Evidence, Relevance, and Therapeutic Implications. *Life* 13(2): 329. DOI: 10.3390/life13020329.

SITI AISYAH JEINIE @ JAMAL  
Center of Research in Development,  
Social and Environment,  
Faculty of Social Science and Humanities,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.  
Email: [aisyahjeinie@gmail.com](mailto:aisyahjeinie@gmail.com)

AZMI AZIZ (Penulis koresponden)  
Center of Research in Development,  
Social and Environment,  
Faculty of Social Science and Humanities,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.  
Email: [abaz@ukm.edu.my](mailto:abaz@ukm.edu.my)

AZIMA ABDUL MANAF  
Center of Research in Development,  
Social and Environment,  
Faculty of Social Science and Humanities,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.  
Email: [azima@ukm.edu.my](mailto:azima@ukm.edu.my)